

03/02/2017 - Majlis Malam Anugerah MAKSAK Malaysia 2016

Bismillahir rahmanir rahim,

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia,

YBhg. Datuk Seri Zainal Rahim Seman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, merangkap
Timbalan Yang Dipertua MAKSAK Malaysia,

YBhg. Naib-Naib Yang Dipertua MAKSAK Malaysia serta pasangan,

YB. Yang Dipertua Badan-badan Gabungan MAKSAK serta pasangan,

YBhg. para Ketua Setiausaha kementerian dan Ketua Perkhidmatan serta pasangan,

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan Sri, Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan,

Para tetamu yang dihormati sekalian,

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan keizinan Nya jua, kita semua dapat berhimpun dan bermesra sempena Malam Anugerah MAKSAK Malaysia Tahun 2016 yang kali ini diadakan di Putrajaya International Convention Center. Sesungguhnya saya amat gembira dan berbangga kerana dapat bersama-sama saudara dan saudari sekalian dalam majlis ini.

2. Dikesempatan ini saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua tetamu, para pentadbir, pegawai dan atlet daripada kesemua 18 Gabungan MAKSAK serta merakamkan ucapan terima

kasih atas sokongan padu serta kerjasama erat yang telah diberikan kepada MAKSAK Malaysia dalam penganjuran programnya sepanjang tahun 2016.

3. Malam Anugerah MAKSAK merupakan acara tradisi tahunan MAKSAK yang bertujuan mengiktiraf komitmen dan kejayaan badan-badan Gabungan MAKSAK sepanjang tahun sebelumnya dan meraikan kejayaan atlet yang telah mengharumkan nama Perkhidmatan Awam Malaysia di kejohanan sukan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Majlis ini juga bertujuan mengukuhkan jalinan perhubungan dan semangat kekeluargaan dalam MAKSAK di samping tanda terima kasih kepada semua pihak yang menyokong program MAKSAK selama ini.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

4. Tahun 2016 menyaksikan MAKSAK terus memperkukuh peranannya dalam menganjurkan pelbagai acara sukan dan kesenian bagi penjawat awam dan masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Ini dibuktikan melalui penganjuran 23 acara sukan dan kesenian sepanjang tahun dengan penglibatan lebih 25,000 peserta dan pegawai. Selepas kejayaan menganjurkan The 1st ASEAN Civil Service Games 2015, MAKSAK terus diberi kepercayaan dan peranan dalam menyokong program-program utama Kerajaan di peringkat antarabangsa, antaranya adalah penganjuran acara NBOS Run & Ride sempena International Conference on Blue Ocean Strategy 2016 yang menonjolkan kejayaan Malaysia melaksanakan pelbagai inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). MAKSAK juga telah mengorak langkah dalam kolaborasi dengan pihak swasta dimana buat pertama kalinya MAKSAK dan AirAsia telah bekerjasama dalam menganjurkan AirAsia W.P.U.A. Fun Run bagi mempromosi Kad Kesetiaan AirAsia Big dikalangan penjawat awam Malaysia. Saya amat gembira dengan kejayaan-kejayaan ini dan syabas saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat. Pencapaian ini merupakan bukti usaha dan komitmen MAKSAK dalam melaksanakan transformasi sejajar dengan keperluan dan persekitaran semasa sukan di Malaysia.

5. Saya juga amat berbangga melihat kejayaan dan penglibatan atlet Perkhidmatan Awam di kejohanan sukan antarabangsa. Sebagai tanda penghargaan, para atlet yang layak akan diberi ganjaran di bawah Skim Insentif Sukan MAKSAK yang telah mula diperkenalkan sejak tahun 2012. Insentif ini merupakan bukti sokongan MAKSAK kepada atlet Perkhidmatan Awam dan sebagai satu bentuk motivasi bagi mereka untuk terus berusaha mencapai kejayaan dalam sukan masing-masing.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

6. Tahun 2017 bakal menjadi tahun yang istimewa dan bersejarah buat Malaysia dimana setelah 16 tahun, Malaysia kembali menjadi hos Sukan SEA dan Sukan Para ASEAN dengan membawa jenama Kuala Lumpur 2017. Kali terakhir Malaysia menjadi hos kepada Sukan SEA adalah pada tahun 2001 dimana kita turut menjadi juara keseluruhan bagi temasya sukan dwi tahunan tersebut. Satu kenangan manis buat kita semua.

7. Saya pasti ramai antara penjawat awam Malaysia akan terlibat dalam pelbagai kapasiti semasa Kuala Lumpur 2017 sama ada sebagai atlet, jurulatih, pegawai pasukan, petugas atau sukarelawan. Harapan saya adalah supaya atlet penjawat awam Malaysia yang bakal mewakili negara kelak memperlihatkan semangat juang dan keazaman yang tinggi dalam memperoleh kejayaan serta menjulang nama Malaysia. Begitu juga kepada para pegawai, petugas dan sukarelawan penjawat awam – anda semua merupakan duta kecil Malaysia dan mempunyai peranan yang besar dalam memastikan Kuala Lumpur 2017, yang bakal ditutup pada tanggal 31 Ogos 2017 sempena Hari Kebangsaan Ke-60, menjadi temasya yang dibanggakan dan menjadi kenangan abadi buat semua.

8. MAKSAK sememangnya dalam kelasnya yang tersendiri dalam melahirkan generasi pentadbir, pegawai dan atlet yang berprestasi tinggi. Program sukan, sosial dan kebajikan MAKSAK juga saban tahun terus menjadi platform dalam menyatukan anggota Perkhidmatan Awam dari pelbagai lapisan dari seluruh pelusuk negara. Sesungguhnya kita semua amat menghargai jasa, pengorbanan serta sumbangan generasi terdahulu dalam memartabatkan

nama MAKSAK dan saya pasti generasi kini juga akan terus berusaha memastikan MAKSAK kekal gemilang dalam membudayakan sukan serta mengeratkan perhubungan antara anggota Perkhidmatan Awam Malaysia.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Kepimpinan tertinggi negara kini amat mendukung agenda transformasi negara melalui pelaksanaan National Blue Ocean Strategy (NBOS). Saya pasti kita semua telah banyak membaca mengenai kisah kejayaan NBOS dan saya menyeru semua pihak untuk menjadikan NBOS sebagai inspirasi. Program-program yang dianjurkan MAKSAK hendaklah menarik, berimpak tinggi, dengan penggunaan sumber serta perbelanjaan yang optimum melalui kerjasama pelbagai pihak sama ada agensi Kerajaan, swasta atau NGO. Saya kira ini merupakan satu cabaran buat para pentadbir sukan dalam Perkhidmatan Awam untuk berfikir secara kreatif dan mencabar kebiasaan. Perubahan sememangnya bukan merupakan sesuatu yang mudah namun dengan sikap dan *mindset* yang positif, kita mampu lakukan sesuatu yang luar biasa sepertimana yang telah dibuktikan MAKSAK melalui penganjuran *The First ASEAN Civil Service Games*.

10. Kehidupan yang cergas dan aktif adalah penting untuk kesihatan tubuh badan dan seterusnya akan menghasilkan fikiran yang cerdas dan minda yang progresif. Ini adalah selari dengan salah satu daripada 6 prinsip utama dalam Konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam iaitu 'Insaniah' dimana penjawat awam perlu menyeimbangkan antara kehidupan rohani dan kesihatan jasmani dalam cara kita bekerja demi menjadikan Perkhidmatan Awam Malaysia sebagai sebuah perkhidmatan yang lebih unggul. Marilah kita bersama-sama menghayati prinsip-prinsip keterbukaan, turun padang, musyawarah, kekitaan dan kerjasama awam-swasta-NGO yang diterapkan dalam Konsep Merakyatkan Perkhidmatan Awam dan menjadikannya sebagai panduan dalam pelaksanaan program-program sukan dan sosial di jabatan masing-masing.

Saudara saudari yang dihormati sekalian,

11. Kepada bakal penerima anugerah pada malam ini, tahniah dan syabas diucapkan. Semoga kejayaan ini akan menjadi inspirasi kepada semua atlet Perkhidmatan Awam untuk terus cemerlang dalam bidang sukan dan menjadi *role model* kepada para penjawat awam yang lain. Semoga pengiktirafan ini juga menjadi obor pembakar semangat kepada para penggiat sukan dalam perkhidmatan awam untuk terus aktif dan menyumbang terhadap kemajuan sukan negara. Sebagai inspirasi bersama, saya ingin memetik kata-kata perenang Michael Phelps, yang memegang rekod sebagai pemenang pingat Olimpik terbanyak dengan 28 pingat, 23 daripadanya adalah pingat emas.

“If you want to be the best, you have to do things that other people aren't willing to do.”

12. Akhir kata, saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Kerja, Yang DiPertua, Setiausaha Kehormat Badan Gabungan serta semua pihak yang menyokong MAKSAK selama ini dalam apa jua kapasiti. Tidak lupa juga kepada bekas kepimpinan MAKSAK yang telah dilantik ke jawatan yang baru ataupun yang telah bersara. Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak yang bertungkus lumus di belakang tabir dalam memastikan majlis pada malam ini berjalan dengan lancar dan meriah.

13. Semoga program-program yang bakal diperkenal dan dilaksana pada tahun 2017 akan memberi impak dan *outcome* yang diinginkan serta menjadi penghubung dalam mengeratkan tali silaturahim di kalangan anggota Perkhidmatan Awam berbilang kaum, selaras dengan semangat Merakyatkan Perkhidmatan Awam.

Sekian, Wabillahittaufik walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

©2017 Copyright Reserved SMPKE, Prime Minister's Office

Source: <http://ksn.jpm.gov.my/home.php?frontpage/speech/detail/2106>